

Bantu anak-anak Rohingya

KULAI - Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) bersama badan bukan kerajaan (NGO) Islam lain giat membantu pembangunan pendidikan pelarian Rohingya di negeri ini.

Koordinator Cawangan Selatannya, Aidi Khairin Sabikin berkata, kira-kira RM10,000 diperlukan untuk kos pentadbiran lebih lima madrasah yang ditubuhkan untuk golongan berkenaan di Johor.

Menurutnya, selain beberapa sekolah di bawah Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) di negeri ini, kira-kira 400 anak pelarian Rohingya yang berumur 7 hingga 14 tahun menerima pendidikan agama di madrasah yang ditubuhkan.

"Sekolah di bawah UNHCR mendapat dana daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), bagaimanapun madrasah



Juwahir (empat, kiri) berbincang mengenai Program Korban Perdana bersama Aidi Khairin (lima, kanan).

yang ada menerima dana daripada NGO Islam termasuk soal penyewaan, bil, makan dan minum, pembelian kitab dan sebagainya.

"Mapirih sering bekerjasama dengan NGO Islam lain untuk mencari dana bagi membantu kos yang diperlukan madrasah untuk pembangunan pendidikan anak-anak pelarian Rohingya.

"Antara madrasah untuk golongan berkenaan yang terdapat di negeri ini termasuklah di Kulai, Taman Perleng, Ulu Tiram dan Plentong," katanya pada sidang media sempena penganjuran program Korban Perdana di Taman Impian Permata, di sini, semalam.

Sementara itu, mengulas mengenai program Korban Perdana yang bakal berlangsung pada 14 September depan di Dataran Taman

Permata Impian, pengurus programnya, Juwahir Amin berkata, sebanyak 25 ekor lembu bakal ditumbangkan.

"Dana diperoleh daripada Yayasan Wakaf Turki, yang mana setiap nama yang mengikuti program korban itu adalah rakyat Turki sendiri bertujuan disumbangkan kepada masyarakat Rohingya mengikut sistem kupon yang berada di seluruh negeri ini."

"Kita terima sumbangan 25 ekor lembu daripada Yayasan Wakaf Turki, namun kita sedang mencari dana kira-kira RM10,000 untuk membiayai kos menguruskan lembu berkenaan serta penghantaran pengagihan ke seluruh Johor untuk masyarakat Rohingya," katanya.

Katanya, sebanyak RM2,000 dana berjaya dikumpulkan setakat ini.

Sesiapa yang berminat membantu untuk menjayakan program ini boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Maybank Dana Mapim (551463059054).